

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 18, 2019 4:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ceramah Umum Kaitkan Pemikiran Tun Dr. Mahathir Dengan Agenda Sains Sosial



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 SEPTEMBER 2019 / 18 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Ummu Aiman Azmi
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

CERAMAH UMUM KAITKAN PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR DENGAN AGENDA SAINS SOSIAL



UUM ONLINE: Menampilkan penceramah berpengalaman luas dalam bidang sains sosial, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong berkongsi tentang perkembangan garis kasar yang mengandungi empat perkara dalam mengaitkan pemikiran Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan agenda sains sosial dan ke arah 2030.

Beliau yang merupakan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia menerangkan tentang empat perkara dalam garis kasar iaitu sains sosial sebagai korpus ilmu serta alat analisis dan perancangan, pembangunan dan transformasi Malaysia pasca merdeka hingga 2020: peranan Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir,

ciri-ciri pemikiran Tun Dr. Mahathir dan idea pembangunan tokoh-tokoh pemimpin Malaysia serta cabaran baharu ilmu.

Menurutnya, ilmu sains sosial di Malaysia mula berkembang sejak 60 tahun yang lalu selepas kemunculan universiti-universiti generasi kedua seperti UKM, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

Katanya, ilmu sains sosial yang menjadi disiplin ilmu di universiti telah menjadi satu titik perubahan dalam perkembangan dan pembangunan negara, malah dijadikan sebagai disiplin dalam institusi pendidikan tinggi dengan penubuhan universiti yang mana ia disalurkan kepada jurusan-jurusan pengajian.

"Sains sosial telah memberi banyak sumbangan antaranya menghasilkan kerja terlatih untuk memenuhi keperluan negara dan masyarakat dalam jentera pentadbiran, akademik, industri dan masyarakat sendiri.

"Selain itu, sumbangan sains sosial juga adalah menganalisis perancangan, proses dan pelaksanaan pembangunan Malaysia serta kesan-kesannya, selain membangunkan korpus ilmu di universiti," katanya pada Ceramah Umum - 'Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad: Agenda Sains Sosial dan Pembangunan Menuju 2030' di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, hari ini.

Beliau juga menerangkan tentang pemikiran dan peranan dua tokoh utama iaitu Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta transformasi yang mengubah Malaysia daripada negara dan masyarakat pertanian kepada negara perindustrian serta masyarakat bandar dalam tempoh enam dekad.

Menurutnya, Malaysia mempunyai tiga pelan perspektif jangka panjang iaitu Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Wawasan 2020 (1991-2020) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (2021-2030).

Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman juga menerangkan tentang gagasan dan strategi perindustrian dan modenisasi Malaysia ke arah negara maju di zaman Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri keempat, kemudian dilantik semula menjadi Perdana Menteri ketujuh pada 2018.

Menurutnya, pengalaman pembangunan Malaysia dan idea pembangunan pemimpin utama seperti Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi sebahagian penting dalam korpus ilmu pembangunan negara.

Selain itu, katanya, IPT jug harus melihat dan menilai kembali kekuatan serta kekangan institusi masing-masing, seterusnya mengambil langkah sewajarnya dalam mengembang dan melestarikan persekitaran yang memperkasakan negara, universiti dan masyarakat dengan mencetuskan inovasi, kreativiti dan bakat.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.